

## Kefahaman ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor dalam Dialog Antara Agama

### The Understanding of Members of the Johor Islamic Youth Forces of Malaysia (ABIM) in Interfaith Dialogues

Ahmad Faizuddin Ramli<sup>1\*</sup> dan Jaffary Awang<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Department of Social Sciences, Faculty of Humanity and Social Sciences, Nilai University.

<sup>2</sup> Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

#### ABSTRAK

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor memainkan peranan yang signifikan dalam dialog antara agama bermula pada tahun 1998. Memfokuskan terhadap masyarakat di Johor, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor terlibat dalam membudayakan amalan dialog antara agama. Penglibatan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor dalam dialog antara agama mencetuskan persoalan mengenai tahap kefahaman ahli dalam dialog antara agama. Justeru, kertas kerja ini membincangkan tahap kefahaman Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor tentang dialog antara agama. Reka bentuk kajian adalah bersifat kuantitatif dan kualitatif. Bagi kuantitatif, seramai 102 responden dalam kalangan ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor. Bagi kualitatif, metode temu bual digunakan terhadap dua pimpinan pertubuhan. Selain itu, sejumlah dokumen-dokumen pertubuhan seperti laporan tahunan, laman sesawang turut dianalisis. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman dialog antara agama ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor adalah pada tahap tinggi dengan jumlah skor min sebanyak 3.89. Dapatkan ini juga menunjukkan bahawa ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor mempunyai tahap kefahaman yang tinggi tentang dialog antara agama.

**Kata Kunci:** dialog antara agama, kefahaman dialog, pendekatan dialog, toleransi beragama, ABIM Negeri Johor.

#### ABSTRACT

The Johor Islamic Youth Forces of Malaysia (ABIM) played a significant role in interfaith dialogues beginning in 1998. Focusing on the people in Johor, the ABIM involved in enculturing interfaith dialogues. The

involvement of the ABIM in interfaith dialogues raises questions about the level of expertise in interfaith dialogue. Hence, this paper discusses the level of understanding of the ABIM in interfaith dialogues. The design of the study is quantitative and qualitative. For quantitative design, a total of 102 respondents among ABIM members, while for the qualitative design, interview with two leaders of the organization was used. In addition, a number of documentation of the organization such as annual reports, websites were analyzed. The findings show that the level of dialogue between ABIM members is high with a mean score of 3.89. This finding also shows that ABIM members have a high level of understanding of interfaith dialogues.

**Keywords:** interfaith dialogues, dialogue comprehension, dialogue approach, tolerance in religious, ABIM State of Johor.

## 1.0 PENGENALAN

Di Malaysia, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor merupakan antara NGO Islam yang terlibat dalam menganjur dan mempromosikan amalan dialog antara agama dalam kalangan masyarakat semenjak tahun 90-an. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor misalnya melaksanakan program berbentuk interaksi antara penganut agama dengan menumpukan di kawasan Johor Bahru. Ditubuhkan seawal tahun 1973, iaitu tiga tahun selepas penubuhan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Pusat, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor menumpukan kepada usaha melaksanakan dasar Islamisasi kepada masyarakat Melayu. Penglibatan pertubuhan ini dalam dialog bermula secara tidak langsung seawal tahun 1998, khususnya setelah setahun Azmi Shah Suratman<sup>1</sup> menerajui pertubuhan sebagai Yang Dipertua Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor, iaitu pada tahun 1997 sehingga tahun 2002.

Pada fasa awal aktiviti dialog, Azmi Shah Suratman secara peribadi menjalinkan hubungan tidak formal dengan pihak agama lain, khususnya Pusat Gereja Katolik Skudai. Dalam tempoh ini, pihak Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor berjaya menjalankan beberapa siri dialog dengan Pusat Katolik Skudai bagi mengenal pasti titik persamaan antara mereka dalam membina persefahaman yang lebih baik antara penganut agama. Di samping itu, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor juga membantu menawarkan ahli panel mewakili penganut Islam dan moderator dalam program-program dialog,

---

<sup>1</sup> Azmi Shah Suratman merupakan graduan sarjana dalam bidang Pengajian Agama dari Universiti Temple, Amerika Syarikat. Beliau mula terlibat aktif dalam Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) semenjak di alam kampus dan pernah memegang jawatan sebagai Setiausaha Biro Dakwah ABIM Pusat (1987-88), Penolong Setiausaha ABIM Cawangan Johor (1988-90), Setiausaha ABIM Cawangan Johor (1990-1993), Timbalan Yang Dipertua ABIM Johor (1995-97) dan Yang Dipertua ABIM Johor (1997-2002).

khususnya antara penganut Kristian dan Buddha, antaranya pernah mewakili Jabatan Mufti sebagai ahli panel dalam forum AIDS dengan penganut agama lain. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor juga berperanan dalam melatih sukarelawan pemandu pelancong untuk Masjid Sultan Abu Bakar yang menerima kunjungan sejumlah 17 ribu pelancong setiap tahun. Inisiatif yang dijalankan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor dalam interaksi antara penganut agama turut melibatkan golongan belia, iaitu dalam Perkhemahan Ibadah Belia di Gunung Pulai yang mendapat sambutan baik dalam kalangan belia beragama Hindu.

Hal di atas menggambarkan penglibatan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor dalam amalan dialog antara agama, khususnya dalam kalangan masyarakat setempat. Bentuk amalan dialog yang dilaksanakan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor berpasak dari tahap kefahaman dalam dialog, iaitu terdapat kalangan ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor menganggap dialog sebagai pendekatan dakwah kepada penganut bukan Islam (Mohd Fauzi Othman, *et al.* 2006 & Mohd Fauzi Othman, 2012). Justeru, pendekatan yang dilakukan menjurus kepada perbincangan dan perbandingan dalam soal-soal teologi. Tujuannya untuk memperlihatkan kebenaran ajaran Islam yang dibawa kepada non-Muslim, sekaligus mendorong mereka untuk menerima Islam sebagai agama anutan. Pandangan sebegini berkecenderungan kepada pandangan sebahagian para sarjana Islam yang menyatakan bahawa dialog adalah sebagai suatu pendekatan dakwah seperti Ahmad Zamri (1994), al-Qasim (1994), Ataullah Siddiqui (1997) dan Shehu (2009).

Walau bagaimanapun, sebahagian yang lain daripada pertubuhan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor memahami dialog sebagai suatu pertemuan antara penganut agama untuk mencari titik persamaan dan membina persefahaman antara mereka (Abdul Razak Aripin, 2012). Berdasarkan kefahaman ini, pendekatan dialog lebih menjurus kepada perbincangan isu-isu sejagat dan bukan bersifat teologi. Ia bertujuan mengelakkan berlakunya sebarang unsur-unsur doktrinisasi untuk menukar pegangan penganut agama lain yang menyentuh sensitiviti keagamaan antara penganut agama. Kekhuatiran terhadap hal ini pernah ditonjolkan oleh sebahagian ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor yang kurang bersetuju terhadap penglibatan pertubuhan dalam dialog antara agama kerana menganggap dialog antara agama adalah wadah doktrinisasi ke atas penganut agama. Namun sikap prejudis tersebut ditangani dalam kalangan ahli pertubuhan dengan menganggap dialog sebagai suatu bentuk pendekatan dakwah (Mohd Fauzi Othman, *et al.*, 2006).

Pandangan bahawa dialog adalah wadah untuk mencari titik persamaan dan membina persefahaman mirip kepada pandangan sebahagian sarjana agama yang tidak membataskan dialog sebagai pendekatan dakwah semata-mata, bahkan apa yang lebih utama adalah pembinaan persefahaman serta hubungan yang baik antara penganut agama untuk membina masyarakat yang harmoni. Antara sarjana yang berpandangan sebegini adalah Leonard Swidler (1984), Koylu (1999), Ramli Awang (2008), Ghazali Basri (2009) dan Kamar Oniah Kamaruzaman (2010). Justeru amalan dialog lebih bersifat perbincangan kepada aspek persamaan dan bersifat sejagat, manakala aspek-aspek perbezaan khususnya teologi cuba dielakkan dari dibincangkan.

Kewujudan dua bentuk kefahaman dalam dialog antara agama boleh mengundang kekeliruan dari sudut bentuk kefahaman yang berbeza dalam kalangan ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor. Umpamanya kefahaman yang menganggap dialog sebagai suatu bentuk pendekatan dakwah, matlamat kepada perlaksanaan dialog lebih cenderung kepada usaha mengindoktrinasikan pihak yang berbeza agama, manakala kefahaman yang melihat dialog sebagai mekanisma untuk membina persefahaman semata-mata akan mengelakkan perbincangan yang mengandungi unsur-unsur teologi. Ironinya, kefahaman mempengaruhi bentuk pendekatan dan amalan dalam sesebuah dialog. Justeru, hal ini mendorong penyelidik untuk mengkaji bentuk kefahaman dialog ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor bagi memurnikan kefahaman dialog antara agama yang sebenar berasaskan pandangan ilmuwan Islam dan disiplin ilmu dialog itu sendiri. Hal ini demikian kerana pelaksanaan dialog tanpa didasari dengan sebarang panduan dan ilmu pengetahuan yang mendalam khususnya dalam disiplin ilmu dialog itu sendiri boleh mengundang kegagalan kepada proses dialog yang berlangsung.

## 2.0 DEFINISI DAN KONSEP DIALOG ANTARA AGAMA

Frasa dialog dalam Bahasa Melayu merujuk kepada tiga maksud: *Pertama*, kata-kata yang dituturkan oleh watak-watak dalam drama atau fiksyen; *Kedua*, genre sastera dalam bentuk perbualan; *Ketiga*, perbincangan atau perundingan antara dua pihak yang bertelingkah (Kamus Dewan, 2005). Menurut Azizan Baharuddin (2008), dialog adalah komunikasi dua hala antara individu (pihak) yang mempunyai pegangan atau pandangan yang berbeza mengenai sesuatu subjek atau perkara yang tertentu dengan tujuan ingin mencapai kebenaran. Frasa *dialogue* dalam bahasa Inggeris adalah berasal dari etimologi Greek, iaitu *dialoge*, *dialogos*, *dialegesthai* atau kombinasi perkataan *dia* (melalui); dengan perkataan *legein* atau *logos* (percakapan) (Encyclopedia of Religion, 1987; Muhammad Shafiq & Mohammed Abu-Nimer, 2011) yang merujuk kepada

perbincangan, perbualan berbentuk formal antara kumpulan atau negara bagi menyelesaikan permasalahan atau salah faham yang berlaku (Macmillan English Dictionary, 2002; Oxford Advanced Learner's Dictionary, 2008; Collin Cobuild Advanced Dictionary, 2009).

Pemakaman ini bagaimanapun sedikit berbeza jika merujuk kepada asal perkataan *dialogue* dalam Greek, iaitu ‘διαλεγομαι’ bermaksud perbuatan yang melalui idea dapat dihasilkan (Youroukov, 2001). Hal ini menunjukkan bahawa istilah dialog pada asasnya mengandungi maksud suatu perbuatan yang dapat mencapai suatu idea, namun perkataan 'perbuatan' tersebut diberi definisi sebagai percakapan dan perbualan. Sungguhpun demikian, pengertian ini tidaklah tersasar dari maksud dialog seperti mana yang dibincangkan sebelum ini kerana sesuatu idea dan pandangan itu terbina daripada perbualan dan perbincangan. Sementara itu, Swidler (1984) dalam makalahnya yang berjudul *The Dialogue Decalogue: Ground Rules for Interreligious Dialogue* mentakrifkan dialog sebagai perbualan mengenai subjek yang sama antara dua pihak atau lebih yang berbeza pandangan dengan tujuan supaya setiap pihak yang berdialog dapat mempelajari antara satu sama lain seterusnya dapat membangun dan berubah.

Walau bagaimanapun, dialog dalam bahasa Arab iaitu *al-hiwar* merujuk kepada perbuatan mengembalikan sesuatu kepada sesuatu, manakala kata terbitannya *al-muḥāwarah* pula bermaksud mengembalikan percakapan atau perkataan antara orang yang saling bercakap (Ibn Manzur t.th; Ahmad Zamri, 1994; al-Mujan, 2006). Perkataan *hawara* (dialog) bagaimanapun didefinisikan dengan lebih meluas oleh Rohi Ba'albaki (1995) dengan merujuk kepada perkataan *hādatha* (perbualan), *bāhatba* (perundingan) dan *nāqasha* (perbincangan) yang kesemuanya merujuk kepada makna; *to dialogue with, hold a conversation with, talk with, speak with, converse with, discourse with, confer with, hold talks with, to discuss with, to debate with, argue with, reason with*.

Walaupun perkataan dialog dalam bahasa Arab mengandungi maksud yang lebih meluas dan tidak sekadar perbualan antara dua pihak semata-mata, ia masih tertakluk kepada kandungan ayat yang digunakan. Dengan erti kata lain, perkataan dialog secara umumnya kurang tepat untuk ditarik dengan pengertian yang lain seperti perdebatan, perbalahan dan pertengkaran kerana dialog lebih bersifat positif. Hal ini demikian kerana dalam dialog, pihak yang pertama akan mendengar terlebih dahulu pandangan pihak kedua supaya pihak pertama dapat memahami terlebih dahulu di mana keberadaan kedudukannya dalam skop perbincangan. Dengan erti kata lain, tidak wujud unsur mencelah kata-kata pihak lain. Berbanding dengan perdebatan atau perbalahan, proses yang berlangsung lebih menjurus kepada pematahan pandangan atau hujah pihak lain. Justeru, dialog tidak akan berlaku jika wujudnya pihak yang

menganggap dirinya sudah pun mempunyai penyelesaian atau kebenaran mutlak mengenai perkara yang ingin didialogkan dan apa yang dia inginkan daripada rakan dialognya hanyalah penerimaan semata-mata (Azizan Baharuddin, 2008). Perkataan 'dialog antara agama' adalah kombinasi daripada perkataan 'dialog' dengan perkataan 'agama', di mana dialog adalah merujuk kepada perbualan, manakala 'antara agama' adalah membawa maksud antara penganut agama. Hal ini bermakna perkataan dialog antara agama adalah merujuk kepada dialog yang berlaku antara penganut agama (Ayyoub, 2007; Ryan C. Urbano, 2012; Swidler, 2014). Bertepatan dengan perbincangan ini, maka dialog antara agama yang merupakan kombinasi daripada perkataan 'dialog' dengan 'antara agama' dapat difahami sebagai perbualan antara pelbagai penganut agama dan bersifat saling balas membalaq antara satu sama lain, dengan erti kata perbualan tersebut adalah berselang-seli antara satu sama lain. Walaupun adakalanya perkataan dialog digunakan dalam konteks yang berbeza, secara terminologinya adalah berkait dengan proses pertukaran idea di mana pihak yang terlibat membuat penilaian berhubung dengan pandangan yang dikemukakan.

Kebiasaan itu yang dibincangkan dalam dialog adalah berkisar tentang aspek teologi, ritual atau suatu yang bersifat sejagat. Perbincangan ini seterusnya membawa kepada persefahaman dalam kalangan yang terlibat dengan harapan dapat menghilangkan sifat prejedis dan salah faham yang wujud sebelum ini. Namun, ia tidaklah bermakna semua pandangan yang dikemukakan itu diterima kerana bergantung kepada konteks perbincangan. Perkataan dialog berbeza dengan perkataan lain kerana matlamat dialog adalah untuk membina persefahaman dan mencari kebenaran antara kepelbagaian pandangan dan proses dialog yang berlangsung disertai dengan rasa hormat dan sikap keterbukaan, sama ada dalam memberi atau menerima sesuatu pandangan.

## 2.1 Konsep Dialog Menurut Perspektif Islam

Perbahasan mengenai dialog antara agama dalam perspektif Islam secara dasarnya dibincangkan secara meluas dalam kalangan ilmuwan Islam. Perbincangan yang dilakukan adalah berdasarkan hasil pengamatan mereka kepada kandungan teks al-Quran serta hadis. Secara asasnya, dialog dalam perspektif Islam dapat dibahagikan kepada tiga, *pertama*, dialog yang merujuk kepada perdebatan; *kedua*, dialog yang merujuk kepada dakwah; *ketiga*, dialog yang merujuk kepada pembinaan hubungan dan persefahaman yang baik. Berhubung dengan konsep *pertama*, istilah dialog (*hiwar*) melalui kata akarnya (*hawara*) yang mengandungi maksud perdebatan dapat diamati dalam tiga ayat al-Quran, iaitu dua perkataan *yuhawiruhu* dalam Surah al-Kahfi (18:34 & 37), manakala perkataan *tahāwurakumā* dalam Surah Al-Mujādilah (58:1). Walau bagaimanapun, konotasi istilah dialog (*hiwar*) dalam hadis merujuk kepada

perdebatan dan perbantahan sebagaimana diriwayatkan oleh Abi Darda' r.a yang bermaksud:

“Sesungguhnya telah berlaku perdebatan (*muḥāwarah*) antara Abu Bakar dan Umar, maka Abu Bakar telah memarahi Umar lalu beredarlah Umar daripadanya dengan perasaan marah.”<sup>2</sup>

Maksud hadis di atas menunjukkan bahawa perkataan *muḥāwarah* di atas tidak merujuk kepada dialog, tetapi membawa maksud kepada perdebatan, perbalahan atau pertengkaran. Hal ini demikian kerana *muḥāwarah* yang berlaku antara Abu Bakar dan Umar disusuli dengan tindakan marah antara kedua-dua pihak. Justeru, perkataan *muḥāwarah* di sini tidak sesuai untuk dinamakan sebagai dialog kerana dialog lebih bersifat positif dan berlangsung dengan baik. Walaupun demikian, gambaran dari hadis di atas menunjukkan berlakunya proses interaksi dan komunikasi antara dua pihak, iaitu antara Abu Bakar dan Umar walaupun interaksi tersebut adalah berbentuk perdebatan. Al-Kirmani (1981) berdasarkan hadis ini menjelaskan, pertengkaran yang berlaku menyebabkan kedua-duanya saling meninggalkan antara satu sama lain.

Asasnya perkataan dialog (*hiwār*) dalam al-Quran dan hadis membawa maksud interaksi atau perbualan antara dua pihak yang berlainan pandangan. Walau bagaimanapun, ia tidak terhad kepada perbualan semata-mata, tetapi turut mengandungi maksud perdebatan. Sehubungan dengan itu, Muhammad Sayyid Tantawi (1997) membariskan maksud perdebatan (*al-muḍāalah*) dan dialog (*al-muḥāwarah*) di mana kedua-duanya membawa maksud ‘menundukkan dan mengalahkan musuh melalui penegakan hujah serta bukti-buktinya yang kukuh’. Walau bagaimanapun, penggunaan dialog untuk tujuan perdebatan dilihat kurang menepati maksud dialog yang sebenar kerana konotasi dialog adalah berbeza dengan debat atau perkataan-perkataan lain meskipun ia berkongsi boleh makna (Ahmad Zamri, 1994; al-Qasim, 1994; al-Mujan, 2006; al-Hamid, 1996; Shehu, 2006). Hal ini demikian kerana dialog hanya mengandungi unsur positif dan tidak bertujuan untuk memenangkan pandangan peribadi ke atas pihak yang lain seperti yang berlaku dalam sesebuah perdebatan atau pertengkaran. Sekalipun pengistilahan perkataan tersebut dalam al-Quran dan hadis merujuk kepada perdebatan, ia tidak semestinya merujuk kepada perdebatan yang bersifat negatif. Justeru al-Zayn (2005) dalam membincangkan penggunaan istilah dialog (*hiwār*) dalam al-Quran menyifatkan maksud perdebatan dalam konteks ayat al-Quran tersebut secara khusus merujuk kepada perdebatan dengan cara yang baik selaras dengan tuntutan al-Quran sebagaimana dalam Surah al-Nahl (16:125).

<sup>2</sup>Al-Bukhari, *al-Jami' al-Ṣabib*, kitab *Tafsir al-Qur'an*, bab *Yā ayyuhannas inni rasulullahi ilaykum jam'a*.

Berhubung dengan konsep *kedua*, iaitu dialog adalah merujuk kepada dakwah, khususnya apabila ia melibatkan dengan penganut agama lain. Dalam istilah lain, ia disebut sebagai dialog antara agama. Perbahasan mengenai dialog dan dakwah dibincangkan secara meluas dalam kalangan ilmuwan Islam menerusi bentuk dialog yang terdapat dalam al-Quran dan hadis, umpamanya dialog para Nabi dengan kaumnya yang musyrik, dialog dengan Ahli Kitab (Al-Zayn, 2005; Tantawi, 1997). Hal ini selaras dengan tujuan dialog itu sendiri adalah untuk menyampaikan ajaran Islam kepada seluruh umat manusia (Al-Qasim, 1994; Ahmad Zamri, 1994; al-Syathari, 2006), bahkan terdapat hubungan yang signifikan antara dialog dengan dakwah (Mohammad Said Mitwally Ibrahim, 2010). Sehubungan dengan itu, al-Qasim (1994) membahagikan bentuk dialog kepada dua; *Pertama*, dialog yang disyariatkan, yang merujuk kepada dakwah dan perlaksanaannya hendaklah berdasarkan aspek-aspek berikut: i) bertujuan mengajak kepada ajaran Islam; ii) bertujuan menerangkan kebatilan dan penyelewengan ajaran penganut agama lain; iii) bertujuan menolak keraguan penganut agama lain terhadap Islam; iv) bertujuan meneguhkan pendirian orang Mukmin; v) bertujuan menunjukkan baiknya syariat Islam. Adapun bentuk yang *kedua* adalah dialog yang tidak disyariatkan adalah berdasarkan tiga aspek: i) bertujuan mentaati dan mencintai penganut agama lain atas dasar pegangan; ii) bertujuan merapatkan agama; iii) bertujuan membenarkan amalan dakyah mereka ke atas orang lain.

Ataullah Siddiqui (1997) juga membincangkan dalam konteks yang sama, iaitu dialog merupakan sebahagian dari dakwah. Perkara ini mempunyai asas yang kukuh jika merujuk kepada banyaknya bentuk dialog dalam al-Quran yang memberi reaksi kepada isu kepercayaan dan agama (Abdullah Mujan, 2006) dengan tujuan dakwah. Menurut Muhammad Sayyid Tantawi (1997), bentuk dialog di dalam al-Quran mengandungi maksud dakwah berlaku dalam dua keadaan, sama ada untuk memuji kalangan Ahli Kitab yang beriman atau untuk menempelak mereka yang menyimpang. Hal ini dapat diperhatikan menerusi dialog para Rasul terhadap kaumnya yang menganut pelbagai anutan seperti yang terdapat dalam al-Quran.<sup>3</sup>

Demikian juga dalam konteks hadis yang mengaitkan dialog dengan dakwah. Perkara ini dapat disoroti dalam beberapa riwayat yang memperihalkan dialog antara Nabi SAW dengan pelbagai penganut agama, sama ada dalam kalangan golongan musyrikin penyembah patung berhala, mahupun dalam kalangan Ahli Kitab yang terdiri daripada Yahudi dan Nasrani. Ini bermakna dialog yang berlangsung tidak bersifat perbualan semata-mata, akan tetapi turut mengandungi

---

<sup>3</sup> Dialog dengan Ahli Kitab (Surah Aali 'Imran, 3:64) dan Dialog dengan penganut agama musyrik (Surah Hud, 11:25-29).

maksud dakwah. Antaranya dalam sebuah hadis yang masyhur yang menceritakan dialog Nabi SAW dengan raja Rom yang bernama Heraq (Hercules).<sup>4</sup>

Konsep yang *ketiga*, dialog merujuk kepada pembinaan hubungan dan persefahaman yang baik. Dalam erti kata lain, dialog berbeza konsepnya dengan perdebatan kerana ia bertentangan dengan dialog semula jadi yang lebih kepada perbualan dan perbincangan dalam suasana yang kondusif. Dialog juga bukan dakwah (Ghazali Basri, 2009) yang merujuk kepada usaha mengajak dan menukar penganut agama lain untuk menerima Islam sebagai agama anutan. Pemahaman yang dipakai menjurus kepada perkongsian nilai-nilai murni dan aspek persamaan dalam kalangan penganut agama. Justeru, wujudnya perbincangan dalam konteks ini, umpamanya menurut Ataullah Siddiqui (1997), dialog antara agama menurut perspektif Islam boleh diandaikan sebagai komunikasi dengan agama dan komuniti lain untuk membina persefahaman yang lebih baik, mengurangkan kawasan konflik serta membina hubungan yang baik.

Berdasarkan perbahasan di atas, konotasi dialog antara agama juga tertumpu kepada perbincangan dan perbualan antara komuniti pelbagai agama dalam membina persefahaman berdasarkan setiap pandangan yang wujud antara mereka. Dalam hal ini, pihak yang berdialog hendaklah mengambil kira kepentingan bersama dan dialog dilakukan menerusi perundingan dan persetujuan. Jika wujud perkara yang tidak dapat disepakati, hendaklah ada sikap berlapang dada dan saling hormat menghormati antara satu sama lain. Dari sini, persefahaman, rasa hormat, serta empati yang tinggi akan terbina terhadap rakan dan kelompok dialog (Ghazali Basri, 2009).

### 3.0 METODOLOGI

Reka bentuk kajian ini berbentuk tinjauan kuantitatif dan kualitatif. Metode kualitatif menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Kajian ini melibatkan 102 responden yang terdiri daripada ahli Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor. Instrumen soal selidik yang dibina adalah menggunakan skala Likert 1 hingga 5, manakala interpretasi tahap nilai min bagi setiap item yang dikaji diinterpretasikan kepada tiga tahap seperti jadual berikut:

---

<sup>4</sup> Al-Bukhari, *al-Jāmi' al-Ṣahīh*, kitab *bad' al-Wahyu*.

**Jadual 1: Interpretasi Skor Purata**

Skor Purata	Interpretasi
1.22 hingga 2.44	Rendah
2.45 hingga 3.66	Sederhana
3.67 hingga 4.88	Tinggi

Sumber: Diubahsuai daripada Palaniappan (2009)

Skor min hingga 1.22 hingga 2.44 menunjukkan tahap rendah. Skor min 2.45 hingga 3.66 berada pada tahap sederhana, manakala skor min 3.67 hingga 4.88 menunjukkan tahap tinggi.

Bagi metode kuantitatif, kaedah temu bual dijalankan terhadap dua pemimpin pertubuhan. Responden temu bual terdiri daripada Abdul Razak Aripin, merangkap Yang Dipertua Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor dan Mohd Fauzi Othman merangkap mantan Ahli Majlis Tertinggi ABIM Negeri Johor. Temu bual yang dijalankan adalah secara separa struktur, iaitu penyelidik menyoal sebilangan soalan formal yang telah dibina sebelum sesi temu bual dijalankan. Pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh setiap tokoh dianalisis berdasarkan data yang diperoleh. Selain itu, penyelidik turut melihat kepada dokumen yang berkaitan pertubuhan menerusi laman sesawang pertubuhan.

Pemilihan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor sebagai subjek penyelidikan adalah berdasarkan tiga faktor. *Pertama*, pengaruh yang wujud pada pertubuhan. Dalam kalangan Angkatan Belia Islam (ABIM) Negeri Johor misalnya, pengaruh wujud dalam konteks entiti pertubuhan tersebut sebagai sebuah NGO Islam yang terlibat dalam menganjur dan menyertai program interaksi antara agama. Pengaruh yang wujud juga dapat dilihat menerusi individu tertentu dalam pertubuhan seperti Azmi Shah Suratman yang mengagaskan *Interreligious Committee on Peace of Southern Region*. *Kedua*, peranan yang dimainkan oleh pertubuhan. Ahli Angkatan Belia Islam (ABIM) Negeri Johor memainkan peranan yang penting dalam menyediakan latihan kepada sukarelawan pemandu pelancong masjid. Selain itu, Ahli Angkatan Belia Islam (ABIM) Negeri Johor juga terlibat secara langsung dalam menyalurkan kebajikan kepada masyarakat Melayu yang memerlukan. *Ketiga*, pengalaman dan keterlibatan pertubuhan dalam dialog antara agama bermula lewat tahun 90-an, iaitu Angkatan Belia Islam (ABIM) Negeri Johor telah mula berinteraksi dengan pengikut agama pada tahun 1998. Berdasarkan ketiga-ketiga kriteria yang diberikan, iaitu pengaruh, peranan dan pengamalan Ahli Angkatan Belia Islam

(ABIM) Negeri Johor dalam amalan dialog antara agama adalah signifikan untuk dijalankan kajian.

## 4.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian adalah terdiri daripada tiga konstruk, iaitu demografi, kefahaman dan pendekatan.

### 4.1 Demografi

#### a) Latar belakang pendidikan responden

Item	Perkara	N	%
Aliran Persekolahan	Agama	40	39.2
	Kebangsaan	50	49
	Inggeris	4	4.9
	SKJC/SKJT	-	-
	Lain-lain	5	4.9
	Kebangsaan & Agama	3	2.9
	Kebangsaan & Inggeris	1	1
	Sains	1	1
Kelulusan Akademik Tertinggi	Sarjana Muda	22	21.6
	Diploma	18	17.8
	SPM/STPM	49	48
	UPSR	3	2.9
	Tiada Pendidikan Formal	1	1
	Tidak Menjawab	1	1
Bidang Jurusan di IPT	Agama	21	20.6
	Sastera & Sains Sosial	14	13.7
	Sains & Sains Ikhtisas	9	8.8
	Sains Kesihatan & Perubatan	-	-
	Lain-lain	9	8.8
	Kejuruteraan	2	2
	Pengurusan	1	1
	Perakaunan	1	1

Pengkomputeran	1	1
Perniagaan	1	1
Sains Komputer	1	1

Sumber: Soal Selidik 2012

Jadual di atas menunjukkan latar belakang pendidikan responden yang terdiri daripada tiga kategori, iaitu aliran persekolahan, kelulusan akademik tertinggi dan bidang jurusan di institut pengajian tinggi. Bagi item yang pertama, jumlah peratusan yang tertinggi adalah responden yang berlatar belakangkan Sekolah Kebangsaan dengan jumlah 49 peratus, diikuti dengan aliran agama 39.2 peratus, aliran Inggeris 4.9 peratus. Walau bagaimanapun selebihnya, iaitu sejumlah 4.9 peratus terdiri daripada aliran campuran agama, kebangsaan dan sains. Berhubung dengan item kedua, iaitu kelulusan akademik tertinggi, responden yang mempunyai kelulusan SPM dan STPM mencatatkan peratusan yang tinggi, iaitu sebanyak 48 peratus, diikuti dengan Sarjana Muda (21.6%), Diploma (17.8%), dan UPSR (2.9%), manakala item ketiga berhubung dengan pengalaman melanjutkan pelajaran ke luar negara, peratusan tertinggi iaitu sebanyak 93.1 peratus daripada responden tidak pernah melanjutkan pengajian ke luar negara. Hanya 4.9 peratus dari responden yang pernah melanjutkan pengajian ke luar negara. Item yang keempat, iaitu jurusan di institut pengajian tinggi, sebanyak 20.6 peratus adalah terdiri daripada jurusan agama, diikuti 13.7 peratus daripada jurusan Sastera dan Sains Sosial dan 8.8 peratus daripada Sains dan Sains Ikhtisas, manakala selebihnya, 8.8 peratus daripada jurusan lain-lain.

## 4.2 Tahap Kefahaman

Dalam aspek kefahaman dialog antara agama, sebanyak sembilan item telah dibina. Kesemua item tersebut dapat dilihat berdasarkan jadual berikut:

**Jadual 2: Tahap kefahaman**

ITEM	MIN	TAHAP
Dialog antara agama adalah interaksi antara dua atau lebih penganut agama yang berbeza	4.03	Tinggi
Dialog antara agama adalah satu proses untuk memahami kepercayaan dan amalan agama lain.	4.00	Tinggi
Matlamat dialog antara agama adalah untuk membincangkan isu-isu agama.	3.64	Sederhana

Dialog antara agama meliputi aspek sosial, politik, sains dan ekonomi.	3.92	Tinggi
Dialog antara agama adalah sebahagian daripada tuntutan agama.	3.59	Sederhana
Dialog antara agama bertujuan untuk memupuk sikap menghormati kepercayaan dan amalan agama lain.	4.07	Tinggi
Dialog antara agama menyumbang kepada pembentukan integrasi nasional.	3.99	Tinggi
Semakin komited seseorang terhadap agamanya, semakin tinggi sikap menghormati agama lain.	3.97	Tinggi
Program dialog antara agama terbuka kepada semua.	3.76	Sederhana Tinggi

---

Purata min    3.89    Tinggi

---

Sumber: Soal Selidik 2012

Jadual di atas menunjukkan min dan tahap kefahaman responden terhadap konsep dialog dan keseluruhan min berada di tahap tinggi ( $M=3.89$ ). Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa item yang mempunyai nilai min yang tertinggi adalah item ***“Dialog antara agama bertujuan untuk memupuk sikap menghormati kepercayaan dan amalan agama lain”*** ( $M=4.07$ ), dengan peratusan responden yang bersetuju sebanyak 87 peratus dan diikuti dengan item ***“Dialog antara agama adalah interaksi antara dua atau lebih penganut agama yang berbeza”*** ( $M=4.03$ ) dengan jumlah responden yang bersetuju sebanyak 87 peratus. Walau bagaimanapun, item yang mempunyai nilai min terendah adalah item ***“Dialog antara agama adalah sebahagian daripada tuntutan agama”*** ( $M=3.59$ ) dengan peratusan responden yang bersetuju sebanyak 53 peratus. Keseluruhan jumlah min dalam bahagian ini adalah 3.89, iaitu berada pada tahap tinggi.

Dalam konteks kefahaman dialog ahli pertubuhan, terdapat dua bentuk konsep kefahaman yang dikenal pasti. Pertama, dialog sebagai pendekatan dakwah kepada penganut bukan Islam (Mohd Fauzi Othman, *et al.*, 2006). Kedua, dialog adalah sebagai suatu pertemuan antara penganut agama untuk mencari titik persamaan dan membina persefahaman antara mereka (Abdul Razak Aripin, 2012).

## 5.0 ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Merujuk kepada kefahaman dialog antara agama, dialog secara asasnya merujuk kepada interaksi antara penganut agama dalam membina persefahaman dan hubungan yang lebih baik antara penganut agama. Ini selaras dengan **item**, '*dialog antara agama adalah interaksi antara dua atau lebih penganut agama yang berbeza*' yang menunjukkan tahap pesetujuan tinggi daripada responden pertubuhan. Dapatkan ini diperkuuhkan lagi dengan kenyataan Abdul Razak Aripin (2012) daripada Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor bahawa dialog antara agama merujuk kepada suatu pertemuan di antara penganut Islam dan agama lain untuk membina persefahaman.

Melalui interaksi tersebut membawa kepada persefahaman antara penganut agama sebagaimana pada **item** '*dialog antara agama adalah satu proses untuk memahami kepercayaan dan amalan agama lain*'. Kefahaman disokong dengan kenyataan Fauzi Othman (2012) bahawa dialog antara agama merupakan pendekatan untuk memahami prinsip-prinsip asas agama lain, khususnya untuk mengenal pasti aspek persamaan dan perbezaan antara penganut agama. Kefahaman ahli pertubuhan mengenai konsep dialog tidak jauh dari apa yang dibincangkan dalam kalangan sarjana, antaranya Ayyoub (2007), Ramli Awang (2008), Ryan C. Urbano (2012) dan Swidler (2014) yang menjelaskan bahawa perkataan dialog antara agama merujuk perbualan dan perbincangan yang berlaku antara penganut agama. Perkataan dialog juga merujuk kepada suatu komunikasi dua hala antara pihak yang mempunyai pegangan atau pandangan yang berbeza, dengan tujuan ingin mencapai kebenaran (Azizan Baharuddin, 2008) dan dapat mempelajari antara satu sama lain supaya dapat membangun dan berubah (Swidler, 1984). Hal ini bermakna dialog tidak akan berlaku jika wujudnya pihak yang menganggap dirinya sudah pun mempunyai penyelesaian atau kebenaran mutlak mengenai perkara yang ingin dibincangkan dan apa yang dia inginkan daripada rakan dialognya supaya menerima secara sepenuhnya (Azizan Baharuddin, 2008).

Berhubung dengan matlamat dialog, pada **item** '*matlamat adalah untuk membincangkan isu-isu agama*' menunjukkan tahap yang sederhana dalam kalangan responden pertubuhan. Berbanding dengan perbincangan isu-isu agama, responden pertubuhan menunjukkan persetujuan kepada aspek-aspek lain seperti pada **item** '*Dialog antara agama meliputi aspek sosial, politik, sains dan ekonomi*'. Hal ini dapat diperkuuhkan dengan kenyataan Abdul Razak Aripin (2012) dan Fauzi Othman (2012) bahawa perbincangan isu-isu dalam dialog haruslah menjurus kepada persamaan dan sejagat. Pandangan ini selaras dengan kenyataan Olav Fykse Tveit (2007) dalam karyanya yang berjudul *When Believers Meet: a Study Guide on Interreligious Dialogue* bahawa dialog

seharusnya tertumpu kepada isu-isu persamaan seperti keperluan manusiawi, keamanan dan kemasyarakatan kerana ia lebih berpotensi dalam membina hubungan antara penganut agama berbanding isu-isu agama. Demikian juga apa yang ditegaskan oleh Leukel (2010) bahawa usaha-usaha untuk berdialog seharusnya ditumpukan kepada persamaan, khususnya isu etika seperti keganasan, ekonomi, sosial, krisis ekologi dan seumpamanya berbanding dengan isu-isu bersifat agama yang lazimnya membawa kepada kegagalan.

Namun begitu, pandangan yang menolak kepada perbincangan isu-isu keagamaan dilihat hanya bersifat teologi yang boleh menimbulkan sensitiviti antara penganut agama. Hal ini dapat diperkuuhkan oleh kenyataan Abdul Razak Aripin (2012) bahawa perbincangan isu-isu agama hanya ruang kepada perbezaan pandangan dan usaha-usaha untuk menyampaikan diayah agama kepada penganut agama lain. Dalam hal ini, perlu dibezakan antara isu-isu agama yang bersifat teologi atau tidak bersifat teologi seperti isu ritual dan sejagat. Tanpa dinafikan bahawa dalam soal teologi adalah mustahil untuk menemukan titik persamaan kerana setiap agama mempunyai dasarnya yang tersendiri, umpamanya agama Islam berdiri di atas dasar tauhid kepada Allah SWT, agama Kristian berpegang kepada doktrin Tritunggal, agama Buddha menolak konsep ketuhanan dan agama Hindu percaya kepada doktrin Trimurti. Di atas dasar inilah al-Faruqi menyifatkan perbincangan yang bersifat teologi dalam agama harus dijauhi para pendialog, manakala persoalan mengenai etika harus diutamakan (Ataullah Siddiqui, 1997). Pandangan ini tidak jauh dari apa yang dinyatakan oleh Azizan Baharuddin (2008) bahawa aspek yang berkait dengan *articles of faith* tidak boleh disentuh di dalam dialog berbanding dengan dimensi interpersonal ataupun dimensi sosial sesebuah agama.

Namun begitu, ironinya perbincangan isu-isu teologi masih boleh dibincangkan selagi ia dilakukan menurut syarat-syaratnya. Umpamanya dalam soal pendialog perlu terdiri daripada orang yang mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam (Ahmad Zamri, 1994; Shahin, 1996 & al-Syathari, 2006) serta berkelayakan bagi memastikan dialog dapat berlangsung dengan baik. Hal ini demikian kerana dialog tidak semestinya menjurus kepada aspek persamaan semata-mata, bahkan turut melibatkan aspek perbezaan. Kewujudan pandangan yang berbeza dapat diatasi dengan sikap berlapang dada dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Dari sini, persefahaman, rasa hormat, serta empati yang tinggi akan terbina terhadap rakan dan kelompok dialog (Ghazali Basri, 2009), bahkan melalui pengenal pastian terhadap aspek persamaan dan perbezaan itu dapat membawa kepada persefahaman yang lebih baik antara penganut agama. Hal inilah yang dijelaskan Azizan Baharuddin (2008) bahawa tujuan dialog adalah untuk mencapai kebenaran antara perbezaan pandangan yang wujud. Dengan demikian, setiap pihak dapat mempelajari antara satu sama lain supaya dapat

membangun dan berubah (Swidler, 1984). Dialog tidak akan berlaku jika wujudnya pihak yang menganggap dirinya sudah pun mempunyai penyelesaian atau kebenaran mutlak mengenai perkara yang ingin dibincangkan dan apa yang dia inginkan daripada rakan dialognya supaya menerima secara sepenuhnya (Azizan Baharuddin, 2008).

Perbincangan dalam dialog antara agama juga bukan terbatas kepada isu-isu agama yang bersifat teologi, bahkan termasuklah dalam aspek kehidupan, tindakan dan berkongsi pengalaman keagamaan dengan seluruh penganut agama (Peter C. Phan, 2010). Apa yang penting, pelaksanaannya bukan melalui pendirian atau pendekatan yang apologetik mahupun pertahanan, tetapi melalui pendekatan fitrah yang menekankan baik berdasarkan fakta sejarah dan realiti kehidupan, keadaan dan sifat negara kita yang sebenarnya. Jadi, masyarakat dapat memanfaatkan keadaan di mana tamadun-tamadun yang diwarisi rakyat Malaysia banyak mempunyai persamaan dari segi adab dan kehidupan beradab, manusia dan kemanusiaan, kepentingan alam tabii atau persekitaran dan keperluan hidup berharmoni dengannya (Azizan Baharuddin, 2008).

Berhubung dengan item, '*dialog antara agama adalah sebahagian daripada tuntutan agama*' dapatan kajian menunjukkan tahap yang sederhana daripada responden pertubuhan. Hal ini ada relevannya kerana sebahagian responden daripada pertubuhan bukan berasal dari latar belakang pendidikan agama, sama ada di peringkat sekolah atau di peringkat universiti. Hanya 40 peratus dalam kalangan responden yang berasal dari aliran persekolahan agama dan hanya 21 peratus yang mengambil jurusan pengajian agama di universiti. Hal ini memberi justifikasi mengapa responden tidak melihat hubungan antara dialog dan tuntutan agama. Dalam perspektif agama, perbahasan mengenai dialog berkait rapat dengan tuntutan agama, antaranya agama Islam menjadikannya sebagai suatu pendekatan dakwah. Ini adalah seperti yang dinyatakan oleh Fauzi Othman (2012) bahawa dialog merupakan dakwah kepada masyarakat non-Muslim. Justeru, hubungan antara dialog dan dakwah dibincangkan secara meluas dalam kalangan ilmuwan Islam berdasarkan bentuk dialog yang terdapat dalam al-Quran dan hadis, umpamanya dialog para Nabi dengan kaumnya yang musyrik, dialog dengan Ahli Kitab (Al-Zayn, 2005 & Tantawi, 1997). Menurut Sayyid Tantawi (1997) dalam *Adab al-Hiwār fi al-Islām* pengulangan kata 'dialog' dalam al-Quran berdasarkan perkataan *al-qawl* menunjukkan bahawa ia merupakan tuntutan yang wajib dipenuhi. Ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan al-Qasim (1994), Ahmad Zamri (1994) dan al-Syathari (2006) bahawa tujuan dialog adalah untuk menyampaikan, mempertahankan dan menerangkan ajaran Islam seperti mana yang dilakukan oleh para Rasul. Oleh kerana dakwah adalah asas utama kepada kewujudan umat Islam, mereka dipertanggungjawabkan untuk berdialog dengan penganut agama lain (Ataullah Siddiqui, 1997).

Hubungan antara dialog dengan tuntutan agama selaras dengan item, '*Semakin komited seseorang terhadap agamanya, semakin tinggi sikap menghormati agama lain*'. Hal yang sama dinyatakan oleh Mohd Fauzi Othman (2012) bahawa dialog dapat mewujudkan sikap saling hormat menghormati supaya tidak ada insiden mencaci agama lain seperti yang dilarang dalam al-Quran. Dialog bukan sahaja dapat memupuk sikap hormat antara pihak yang berdialog (Köylu, 1999), bahkan ia merupakan syarat yang wajib bagi pihak yang hendak berdialog, lebih-lebih lagi dalam Islam (Sayyid Muhammad Tantawi, 1997; al-Syathari, 2006; Ramli Awang, 2008). Pemupukan sikap hormat dalam dialog, di samping persefahaman yang dibina dapat menyumbang kepada pembentukan integrasi nasional seperti dalam item '*Dialog antara agama menyumbang kepada pembentukan integrasi nasional*' yang mencatatkan tahap persetujuan yang baik daripada responden kedua-dua pertubuhan. Asasnya merujuk kepada tujuan dialog itu sendiri, iaitu untuk membangun masa depan yang damai dan harmoni, melalui komitmen yang tinggi dan sikap saling menghargai atas kepelbagaian agama. Dengan demikian, integrasi dapat dibina dalam pelbagai pengikut agama (Ramli Awang, 2008). Justeru Azizan Baharuddin (2008) menekankan kepada pembudayaan dialog bagi memperkuuhkan jalinan perpaduan dan integrasi nasional yang merupakan kunci kelangsungan dan kemapanan sesebuah negara.

Dalam memastikan dialog dapat memainkan peranan yang baik dalam masyarakat, ia haruslah melibatkan semua pihak dan di segenap peringkat, serta tidak bersifat selektif, selaras dengan item '*program dialog antara agama terbuka kepada semua*' yang menunjukkan tahap yang sederhana tinggi dalam kalangan responden pertubuhan. Keterbukaan program dialog dapat dibahagikan kepada dua aspek, iaitu terbuka kepada semua pihak sebagai peserta dan terbuka kepada semua untuk turut berdialog. Dalam aspek keterbukaan sebagai peserta, penyelidik secara peribadi bersetuju bahawa program dialog seharusnya bersifat terbuka kepada semua pihak dalam mendengar pandangan para sarjana agama berhubung dengan sesuatu isu. Hal ini sesuai dengan apa yang diperkatakan oleh Syed Faris Alatas (2008) bahawa dialog antara agama sebagai mana pada hari ini bukanlah hak mutlak ahli teologi. Hal ini demikian kerana setiap pihak perlu memainkan peranannya sama ada intelektual, cendekiawan mahupun organisasi dalam masyarakat awam bagi membangunkan kepelbagaian budaya ini. Dalam erti kata lain, setiap pihak perlu dilibatkan dalam program dialog agar terbina persefahaman dalam kalangan mereka. Ini adalah bagi memurnikan kembali sikap prejudis dan stereotaip terhadap sesebuah agama, impak dari propaganda yang dimainkan oleh media barat. Ramli Awang (2008) dalam hal ini turut menyatakan perkara yang hampir serupa, iaitu dengan menggabungkan sinergi dialog yang khusus untuk golongan agamawan dan masyarakat bawahan ia dapat menghasilkan solusi kepada konflik antara pengikut agama.

Namun dalam hal ini, Ramli Awang (2008) meletakkan indikator ‘berilmu’ kepada setiap pihak yang ingin terlibat dalam dialog sebagai pra syarat utama bagi menjayakan program dialog. Kesemua indikator-indikator ini dapat diperhatikan dalam sejumlah prinsip-prinsip dialog yang digariskan oleh ramai sarjana agama, umpamanya Ahmad Zamri (1994) dalam karyanya *al-Hinār: Ādābuhu wa Dawābituhu fi Dan' al-Kitāb wa al-Sunah* meletakkan keutamaan ilmu kepada setiap pihak dalam berdialog. Demikian juga al-Syathari (2006), Syahin (1996), Sayyid Muhammad Tantawi (1997) dan Muck (2011) yang kesemuanya menekankan kepada kepentingan ilmu dalam dialog. Hal ini supaya proses dialog dapat berjalan seperti mana objektif yang dikehendaki dan tidak tersasar dari tujuan asal.

## 6.0 KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, kefahaman responden pertubuhan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor dalam dialog antara agama berada pada tahap yang tinggi. Dalam konteks kefahaman dialog, terdapat dua bentuk kefahaman dalam kalangan responden pertubuhan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Negeri Johor, iaitu: *pertama*, dialog sebagai dakwah; dan *kedua*, dialog adalah pendekatan untuk membina persefahaman dan hubungan antara penganut agama. Kedua-dua kefahaman ini asasnya wujud dalam perbincangan para sarjana dialog dan perbandingan agama sama ada daripada dunia Islam mahupun Barat. Bentuk kefahaman ini bagaimanapun perlu dilihat lebih kritis dan perlaksanaannya perlulah sesuai mengikut konteks tahap keilmuan para pendialog. Jika dalam kalangan sarjana dialog antara agama, maka dialog sebagai pendekatan dakwah boleh diimplementasikan dengan efektif dalam kalangan penganut agama. Adapun dengan tahap orang awam yang tidak mempunyai dasar yang mendalam dalam ilmu dialog dan perbandingan, maka perbincangannya lebih sesuai dalam konteks ‘membina persefahaman dan hubungan antara penganut agama’. Justeru dalam kalangan orang awam, pendekatan dengan melakukan aktiviti kebajikan dan kemasyarakatan secara bersama lebih baik daripada membincangkan soal-soal yang berpotensi mengundang salah faham dan kesilapan pendekatan antara penganut agama.

## RUJUKAN

- Abdul Razak Aripin. (2012). *Sejarah, Kefahaman, dan Amalan Angkatan Belia Islam Malaysia Johor dalam Dialog Antara Agama*. Temu bual, 14 Mei.
- Ahmad Zamri, Yahya bin Muhammad Hasan. (1994). *Al-Hiwar: Ādābuhu wa Dawābituhu fī Dau' al-Kitāb wa al-Sunah*. Dar al-Tarbiyyah wa al-Turath: Makkah.
- Ayyoub, M. M. (2007). A Muslim View of Christianity: Essays on Dialogue. Dlm. Omar, I. A. (pnyt.). *Faith Meets Faith*. New York: Orbis Books.
- Azizan Baharuddin. (2008). *Peranan Dialog Peradaban di dalam Wacana Tamadun Malaysia*. Jurnal Peradaban, Universiti Malaya, 1, 1-14.
- Al-Bukhari, Abi Abdullah Muhammad Ismail. (1979). *Al-Jam'i al-Sahīh*. Kaherah: Maktabah al-Salafiyyah.
- Collin Cobuild Advanced Dictionary. (2009). Grant Barret, C. W. Boston, Heinle Cengage Learning.
- Eliade, M. Charles, J. A. (1987). *Dialogue*. Encyclopedia of Religion. Macmillan.
- Ghazali Basri. (2009). *Pengalaman Lalu. Cabaran Semasa dan Prospek dalam Dialog Antara Agama di Malaysia*. Kuala Lumpur: Centre for Civilizational Dialogue Universiti of Malaya.
- al-Hamid, Muhammad Ibrahim. (1996). *Akhta' fī Adab al-Muḥadathah wa al-Mujālisah*. Dar Ibn Khuzaimah: Riyadh.
- Ibn Manzur, Jamaluddin Muhammad bin Mukarram al-Ansari. T.th. *Lisān al-‘Arab*. Juzuk 5. t.tp: Dār al-Miṣriyyah li al-Ta’lif wa al-Tarjamah.
- Ibrahim, Mohammad Said Mitwally. (2010). Interfaith Dialogue: A Muslim Legal Perspective on its Validity, Concept and Practices. *INSIGHTS: Muslim non-Muslim Relations*. 3(1): 93-126.
- Kamar Oniah. (2010). *Religion and Pluralistic Co-Existence: The Muhibbah Perspective*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Kamus Dewan. (2005). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Koylu, M. (1999). Possibilities and Conditions for Christian-Muslim Dialogue: A Muslim Perspective. *Encounter*. 5(2): 197-179.
- al-Kirmani. (1981). *Sahīh Abi Abdullah al-Bukhārī*. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-‘Arabi.
- Leukel, P. S. (2010). *Buddhist-Muslim Dialogue. Observations and Suggestions from a Christian Perspective*. The Muslim World, 100, 349-363.
- Mohd Fauzi Othman, et al. (2006). *Dialog Antara Agama: Kajian Kes Interfaith Religious Conference (IRF) on Peace, Johor Bahru*. Kertas Kerja Seminar Islam dan Hubungan Antara Agama di Malaysia Peringkat Kebangsaan. Vol.1 & 2. Anjuran Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Kuala Lumpur. 18-19 Januari.

- Mohd Fauzi Othman. (2012). *Sejarah, Kefahaman, dan Amalan Angkatan Belia Islam Malaysia Johor dalam Dialog Antara Agama*. Temu bual, 30 September.
- Muck, Terry C. (2011). International Bulletin of Missionary Research. Interreligious Dialogue: Conversations That Enable Christian Witness.
- Al-Mujan, Abdullah bin Hussein. (2006). *Al-Hiwār fī al-Islām*. Makkah: Markaz al-Kawn.
- Macmillan English Dictionary Oxford. (2002). Macmillan Education.
- Muhammad Shafiq, Mohammed Abu-Nimer. (2011). *Interfaith Dialogue: A Guide for Muslims*. Herndon: The International Institute of Islamic Thought.
- Olav Fykse Tveit. (2007). *When Believers Meet: a Study Guide on Interreligious Dialogue*. Theological Commission. Church of Norway Council on Ecumenical and International Relations
- Oxford Advanced Learner's Dictionary, 7th Edition. (2008). Oxford. University Press.
- Palaniappan, A. K. (2009). Penyelidikan dan SPSS (PASW). Petaling Jaya: Pearson Education.
- Peter C. Phan. (2010). An Interfaith Encounter at Jacob's Well: A Missiological Interpretation of John 4:4–42. *Mission Studies*. 27: 160-175.
- Al-Qasim, Khalid b. Abdullah. (1994). *Al-Hiwār mā'a abl-Kitab: Ususuhu wa Manahijuhu fī al-Kitāb wa al-Sunnah*. Dar al-Muslim: Riyadh.
- Ramli Awang. (2008). *Dialog Antara Agama Menurut Perspektif al-Quran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Rohi Ba'lbaki. (1995). *Al-Manrid*. Bayrūt: Dār al-Ilm lil al-Malāyīn.
- Siddiqui, Ataullah. (1997). *Christian - Muslim Dialogue in the Twentieth Century*. London: Macmillan Press LTD.
- Shehu, F. M. (2008). *Nostra Aetate and the Islamic Perspective of Inter-Religious Dialogue*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia.
- Swidler, L. (1984). The Dialogue Decalogue: Ground Rules for Interreligious Dialogue. *Inter-Religion*. 5(Spring): 30-33.
- Swidler, L. (2014). Which Word(S) to Choose: Ecumenical, Interreligious, Interfaith...? *Journal of Ecumenical Studies*. 49(1): 184-188.
- Syahin, Saifuddin Husain. (1996). *Adab al-Hiwār fī Islām*. Dar al-Ufuq: Riyadh.
- al-Syathari, Sa'īd bin Nasir. (2006). *Adab al-Hiwār fī Islām*. Dar Kanz Isybilia. Riyadh.
- Syed Farid Alatas. (2008). *An Islamic Perspective on the Commitment to Inter-Religious Dialogue*. Kuala Lumpur: International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS).
- Al-Tantawi, Muhammad Sayyid. (1997). *Adab al-Hiwār fī Islām*. Kaherah: Dar al-Nahd Misr.
- Urbano, R. C. (2012). Levinas and Interfaith Dialogue. *The Heythrop Journal*. 3: 148-161.

- Youroukov, M. (2001). Dialogue between Religious Traditions: As a Barrier against Cases of Extreme Religious Fundamentalism. Dlm. Makariev, P. (pnyt.). *Islamic and Christian Cultures: Conflict or Dialogue*. Washington: The Council for Research in Values and Philosophy.
- Al-Zayn, Muhammad Bassam Rashdi. (1995). *Al-Mu'jam al-Mufahris Limā'anī al-Qur'ān Al-'Adbim*. Dimasyq: Dar al-Fikr.

